

# Pesta Pemasyhuran Canselor

Disediakan oleh : Muhammad Najib Othman



**Bersempena** dengan Istiadat Pemasyhuran Canselor dan Majlis Konvokesyen Komemoratif KUKUM yang telah diadakan pada 17 Julai 2004 yang lalu satu program telah diadakan bagi memaikan DYMM Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail sebagai Canselor KUKUM yang pertama. Program yang dimaksudkan ialah Pesta Pemasyhuran Canselor yang telah diadakan di perkarangan Stadium Utama Kangar dan ia berlangsung selama tiga hari berturut-turut bermula dari 15 Julai sehingga 17 Julai 2004 yang lalu. Keunikan pesta ini adalah ia di kelolakan sepenuhnya oleh pelajar KUKUM sendiri sambil dibantu oleh pihak pengurusan. Tema pesta pemasyhuran ini ialah 'Semaian Integrasi, Tuaian Gah Generasi'

Pelbagai aktiviti menarik telah disusun sepanjang pesta tersebut dilangsungkan, yang bukan sahaja melibatkan warga KUKUM malah seluruh masyarakat Perlis amnya. Antara aktiviti yang melibatkannya warga KUKUM dan masyarakat adalah seperti Sukan rakyat, Pertunjukan Silat & Taekwando, Pertandingan Gubahan, Sukaneka, KUKUM X-Race, Pertandingan Memanah dan banyak lagi. Gerai jualan dan pameran turut diadakan pada pesta itu yang sertai oleh pelbagai agensi kerajaan serta swasta. Selain memaikan DYMM Pemangku Raja Perlis yang dimasyhurkan sebagai Canselor KUKUM, pesta ini juga bertujuan untuk dijadikan pemangkin hubungan erat diantara masyarakat Perlis dan warga KUKUM.

Selain aktiviti bersama masyarakat, pihak urusetia pesta turut mengadakan Pertandingan Rekacipta Piala Tuanku Canselor KUKUM yang dianjurkan oleh Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekatronik. Pertandingan rekacipta robot yang merebut Piala Canselor KUKUM ini adalah julung-julung kali diadakan dan ia terbuka kepada semua pusat-pusat pengajian KUKUM. Sebanyak 25 pasukan dari enam pusat pengajian di KUKUM mengambil bahagian dalam pertandingan tersebut. Pasukan 'Harvester' dari Pusat Pengajian Kejuruteraan Sistem Elektrik

telah memenangi pertandingan rekacipta robot dan pasukan 'Secret Weapon' dari Pusat Pengajian Kejuruteraan Sistem Pembuatan telah memenangi tempat pertama untuk kategori Rekabentuk Terbaik.

Disamping pertandingan rekacipta, pameran robotik turut dijalankan dan ia disertai oleh beberapa institusi pengajian tinggi di Malaysia antaranya Universiti Sains Malaysia, Universiti Utara Malaysia, Politeknik Jitra Kedah, Institut Latihan Perindustrian Kangar, Kolej Komuniti Arau dan Pusat Kejuruteraan KUKUM. Pelbagai jenis robot dipamerkan dan ia dilihat dapat menarik ramai pengunjung terutamanya dikalangan pelajar sekolah dan kanak-kanak. Para pengunjung juga diberi kesempatan bermain atau menggunakan robot-robot yang dipamerkan dan ini dapat memberi pendedahan yang baik disamping memupuk minat masyarakat terhadap bidang kejuruteraan.

Program yang berunsur penerapan nilai-nilai murni juga dimuatkan di dalam pesta tersebut. Urusetia pesta telah menganjurkan Forum Perdana Ad-Deen dimana ahli panel forum tersebut adalah terdiri dari mereka yang pakar dan berpengalaman dalam bidang masing-masing iaitu Sahibus Samahah Y. Berbahagia Dato' Hj. Nooh Gadut, Mufti Negeri Johor; Dr. Sharifah Hayaati Syed Ismail, Pensyarah Kanan Universiti Malaya; Dr. Hj. Mohd Ismail Tambi, Pakar Kesihatan & Motivasi,

# or 2004



Kementerian Wanita, Keluarga dan Masyarakat; dan Prof. Madya Dr. Zaleha@Leha Muhamat, Pensyarah KUKUM. Kumpulan nasyid popular Hijjaz turut dijemput membuat persembahan.

Canselor KUKUM, DYMM Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail dan DYTMM Tuanku Hajjah Lailatul Shahreen Akashah, Raja Puan Muda Perlis telah berkenan mencemar Duli berangkat ke Majlis Penutup Pesta Pemasyhuran itu yang diadakan pada 17 Julai 2004. Baginda berdua diarak menaiki kereta kuda diraja mengelilingi tapak pesta sambil diiringi oleh Y.A.B Dato' Seri Shahidan Kassim, Menteri Besar Perlis dan isteri serta Y. Bhg. Lt. Kol. Prof. Dato' Dr. Kamarudin Hussin dan isteri.